

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 FEBRUARY 2017

Siasat Tun M, dua bekas Menteri Kewangan

Ulm - 9/2/2017

Oleh **FADZIL ZAINOL**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 FEB.

TUN Dr. Mahathir Mohamad bersama dua bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu disoal siasat sekiranya Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi merungkai kembali aktiviti perdagangan mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) 25 tahun lalu.

Selain kesemua individu tersebut yang berada di dalam kerajaan pada era 1990-an, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang kini merupakan Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd. juga dilihat wajar disoal siasat memandangkan beliau berkhidmat bersama BNM dalam tempoh yang sama.

Tanpa mahu membuat sebarang tuduhan, bekas Penolong Gabenor BNM, **Datuk Abdul Murad Khalid** berkata, kesemua mereka wajar memberi keterangan masing-masing kerana memegang jawatan penting semasa aktiviti itu dilakukan.

"Siapa lagi yang sesuai. Sudah tentulah individu-individu penting di dalam Kementerian Kewangan dan BNM," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas gesaan beberapa pihak supaya kerajaan menubuhkan RCI bagi melakukan siasatan semula terhadap skandal tersebut.

Pada 26 Januari lalu, Abdul Murad mendedahkan BNM mengalami kerugian lebih AS\$10 bilion (RM44 bilion) akibat daga-

- Rugi AS\$10 bilion, dipercayai terbesar dalam sejarah kewangan dunia
- Tiada siasatan dipersoalkan

PENDEDAHAN MURAD

➤ Bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid dedah bank pusat itu pernah rugi AS\$10 bilion.

➤ Kerugian akibat spekulasi mata wang pada 1991-1993, semasa Tun Dr. Mahathir memerintah.

Rekod-rekod transaksi kini mungkin sudah berusia 25 tahun dan mungkin telah musnah dimakan anal-anal. Namun hakikatnya urusan niaga dagangan mata wang itu dilakukan di



KERATAN *Utusan Malaysia* 27 Januari 2017.

ngan mata wang asing iaitu lebih tinggi daripada nilai yang dilaporkan mengikut buku laporan BNM antara 1991 hingga 1994.

Namun, nada berlainan disuarakan bekas Timbalan Pengerusi BNM, **Dr. Rosli Yaakop** yang ketika dihubungi berpendapat, cadangan penubuhan RCI agak lewat walaupun beliau sebelum ini lañtang mahu skandal dagangan mata wang asing itu didedahkan.

Beliau berkata, jika siasatan tetap mahu dijalankan, individu-individu utama di dalam BNM pada waktu itu harus disiasat antaranya Nor Mohamed.

Rosli kini merupakan Pakar

Ekonomi Pas, bertanding atas tiket parti Islam itu dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang, Negeri Sembilan, namun tewas kepada calon Barisan Nasional (BN), Datuk Yunus Rahmat.

Pada pertengahan 2012, Rosli dilapor mendedahkan beberapa maklumat berkenaan skandal dagangan mata wang itu dengan menamakan Dr. Mahathir, Daim serta Nor Mohamed sebagai antara watak penting dalam aktiviti tersebut.

Beliau menyatakan bank pusat itu mengalami kerugian mencecah RM30 bilion akibat aktiviti dagangan mata wang asing itu.